

KAJIAN PERBANDINGAN HAK WARISAN ANAK ANGKAT DI INDONESIA DAN MALAYSIA

A COMPARATIVE STUDY OF THE INHERITANCE RIGHTS OF ADOPTED CHILDREN IN INDONESIA AND MALAYSIA

^{i,*}Mohammad Ghozali, ⁱⁱMuhammad Irkham Firdaus, ⁱⁱⁱMuhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh & ⁱⁱⁱⁱZahari Mahad Musa

ⁱProgram Studi Hukum Ekonomi Syariah, Fakultas Syariah, Universitas Darussalam Gontor, Indonesia

ⁱⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: mohammadghozali@unida.gontor.ac.id

Article history:

Submission date: 15 August 2023

Received in revised form: 6 November 2024

Acceptance date: 11 November 2024

Available online: 31 December 2024

Keywords:

Rights of inheritance, adoption, heirs, anak angkat

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ghozali, M., Firdaus, M. I., Mas'ad Saleh, M. A., & Mahad Musa, Z. (2024). Kajian perbandingan hak warisan anak angkat di Indonesia dan Malaysia: A comparative study of the inheritance rights of adopted children in Indonesia and Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 726-738. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.1164>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

This study aims to analyze and compare the inheritance rights of adopted children in Indonesia and Malaysia while integrating them with the principles of Islamic inheritance law. The primary focus of this study is to examine the statutory status of inheritance rights of adopted children in relation to their adoptive parents, considering that both countries have a majority Muslim population. An adopted child is defined as an individual whose custody, education, and care are transferred from their biological family or legal guardian to adoptive parents. Although the status of adopted children is legally recognized in Malaysia and Indonesia, issues often arise concerning their inheritance rights from their adoptive parents' estates. This study employs a qualitative approach using descriptive, comparisons and doctrinal analysis to understand this position. From the perspective of Islamic law, adopted children do not have direct inheritance rights from their adoptive parents except through *wasiat wajibah* (compulsory bequest), which cannot exceed one-third of the total estate and hibah. Conversely, under several statues of law, the status of adopted children in certain cases is equated with that of biological children, enabling them to become heirs. The findings of this study are expected to provide guidance and legal considerations in resolving inheritance disputes, particularly those involving the inheritance rights of adopted children. In specific circumstances, adopted children may still be entitled to inheritance, provided that the bequest does not exceed one-third of the total estate, in alignment with the principles of *wasiat wajibah* under Islamic law.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan kedudukan hak pewarisan anak angkat di Indonesia dan Malaysia serta mengintegrasikannya dengan prinsip undang-undang pewarisan dalam Islam. Fokus utama kajian ini adalah untuk meneliti status berkanun hak pewarisan anak angkat berbanding ibu bapa angkat mereka, dengan mengambil kira bahawa kedua-dua negara mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Anak angkat didefinisikan sebagai individu yang hak penjagaan, pendidikan, dan pemeliharaannya dipindahkan daripada keluarga asal atau penjaga sah kepada ibu bapa angkat. Walaupun status anak angkat diakui sah di sisi undang-undang di Malaysia dan Indonesia, isu sering timbul berkaitan hak pewarisan terhadap harta pusaka ibu bapa angkat mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui perbandingan deskriptif dan analisis dokumen untuk memahami kedudukan tersebut. Dari perspektif undang-undang Islam, anak angkat tidak memiliki hak pewarisan secara langsung daripada ibu bapa angkat kecuali melalui pemberian *wasiat wajibah*, yang jumlahnya tidak boleh melebihi satu pertiga daripada keseluruhan harta pusaka dan hibah. Sebaliknya, dalam undang-undang yang diguna pakai di Malaysia dan Indonesia, kedudukan anak angkat di sesetengah kes disamakan dengan anak kandung, yang membolehkan mereka menjadi ahli waris. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan dan pertimbangan undang-undang dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan harta pusaka, khususnya dalam isu status hak pewarisan anak angkat. Dalam keadaan tertentu, anak angkat masih berhak menerima pusaka dengan syarat pemberian tersebut tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah harta pusaka, sejajar dengan prinsip *wasiat wajibah* dalam undang-undang Islam.

Pengenalan

Di Indonesia, anak angkat merujuk kepada kanak-kanak yang diambil di bawah tanggungjawab kehidupan seharian, perbelanjaan pendidikan, dan sebagainya, dengan memindahkan tanggungjawab daripada ibu bapa asal kepada ibu bapa angkat berdasarkan keputusan mahkamah (Fitriyani, 2020; Sihabudin, 2023). Di Indonesia, berdasarkan keputusan Mahkamah Agung No. 849 K/Sip/1979, No. 1413 K/Pdt/1988, dan No. 1074 K/Pdt/1995, pengangkatan anak hendaklah memenuhi syarat kebendaan. Syarat tersebut termasuk anak angkat diambil sejak bayi, dijaga, dihantar ke sekolah, dan dikahwinkan. Ketiadaan upacara adat tidak menjejaskan kesahihan pengangkatan tersebut (Poespasari *et al.*, 2020).

Di Malaysia, proses pengambilan anak angkat dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat. Faktor utama yang dipertimbangkan oleh pejabat kebajikan ini adalah kebajikan kanak-kanak. Oleh itu, pelbagai maklumat perlu diperolehi daripada pasangan yang ingin mengambil anak angkat bagi memastikan kebajikan anak-anak tersebut terjamin. Selain mengisi borang permohonan, pasangan pemohon akan ditemu bual oleh pegawai yang menyediakan laporan sosial mereka. Maklumat yang dikumpul merangkumi latar belakang sosial serta kemampuan mereka untuk menjadi keluarga angkat. Semua ini mesti memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 dan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) (untuk bukan Islam) atau Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) ini boleh diguna pakai oleh semua pihak baik orang Islam mahupun bukan Islam tetapi terhad kepada pemastautin di Semenanjung Malaysia sahaja (Bustamam-Ahmad & Hadzir, 2018).

Undang-undang pusaka dalam Islam dikawal ketat melalui sumber hukum utama iaitu al-Quran dan hadis. Walau bagaimanapun, terdapat fleksibiliti dalam kaedah pembahagian, bilangan bahagian, dan pihak yang berhak menerimanya berdasarkan pandangan tradisi serta kearifan tempatan (Nawawi, 2016). Dalam konteks ilmu faraid (ilmu *mirath*), ulama menetapkan tiga sebab utama pewarisan harta pusaka iaitu hubungan keturunan, pernikahan dan *wala'* (pembebasan hamba). Sebahagian ulama kontemporari turut menambah sebab keempat, iaitu Islam (Al-Khin, 2026). Berdasarkan definisi ini, anak angkat tidak tersenarai sebagai ahli waris dalam hukum faraid kerana tiada hubungan darah secara syarak dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkat, walaupun nama anak angkat dibinkan kepada bapa angkat dalam sijil kelahiran.

Isu pembahagian hak pusaka bagi anak angkat sering menjadi permasalahan dalam masyarakat, memandangkan wujud perbezaan pandangan yang disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk peraturan yang berbeza di setiap lokasi. Terdapat juga salah faham dalam kalangan masyarakat yang menganggap anak angkat langsung tidak layak diberikan apa-apa. Pada masa yang sama, sesebuah negara memainkan

peranan penting dalam melindungi dan menjamin hak rakyatnya. Dalam hal pewarisan, undang-undang di sesebuah negara memainkan peranan besar dalam menentukan keadilan terhadap semua pihak. Maka, kajian ini bertujuan menghuraikan konsep hak pusaka bagi anak angkat dari perspektif undang-undang di Indonesia dan Malaysia, serta membandingkannya dengan konsep pewarisan Islam. Pemilihan Indonesia dan Malaysia sebagai subjek kajian adalah berdasarkan fakta bahawa kedua-dua negara ini mempunyai majoriti penduduk beragama Islam; Indonesia dengan 87.2% atau 229.62 juta orang (Kementerian Agama, 2020) dan Malaysia dengan 63.5% atau 20.61 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Harta warisan atau harta pusaka merujuk kepada harta yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia untuk diwarisi oleh ahli keluarganya atau pihak lain yang layak. Harta ini meliputi harta alih dan tidak alih setelah ditolak segala hutang dan kewajipan yang perlu dilunaskan menurut undang-undang. Harta pusaka ditakrifkan sebagai “harta warisan atau barang-barang berharga yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Namun, tidak semua harta si mati tergolong sebagai harta pusaka. Harta yang telah diberikan semasa hayatnya, dijual, diwakafkan, atau yang dipegang sebagai amanah oleh si mati tidak dianggap sebagai harta pusaka.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan deskriptif perbandingan dan analisis dokumen. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah dokumentasi, yang merangkumi analisis undang-undang yang terpakai di Indonesia dan Malaysia berhubung dengan hak pewarisan anak angkat, serta kajian terhadap buku dan artikel ilmiah berkaitan hukum pusaka Islam. Data yang diperoleh disunting dan disusun dengan teliti sebelum dianalisis menggunakan pendekatan deduktif bagi memberikan penjelasan yang paling lengkap mengenai konsep hak pewarisan anak angkat dalam perspektif undang-undang yang diguna pakai di Indonesia dan Malaysia, serta perkaitannya dengan konsep pewarisan Islam. Proses analisis data dilakukan secara berterusan dari awal hingga akhir kajian, melibatkan beberapa tahap utama iaitu pentafsiran data, peralihan bahasa, penyuntingan data, dan penyusunan secara sistematik. Pentafsiran data dilakukan untuk memahami makna dan kandungan data berdasarkan konteks undang-undang dan teori yang relevan, diikuti dengan peralihan bahasa untuk menterjemah data yang diperlukan, penyuntingan untuk memperbaiki dan menyelaraskan data dengan objektif kajian, serta penyusunan data secara logik agar huraian yang dihasilkan membentuk sebuah konsep yang komprehensif dan mudah difahami. Metodologi ini memastikan bahawa analisis yang dijalankan mampu menggambarkan dengan jelas perbezaan dan persamaan antara konsep hak pewarisan anak angkat dalam konteks undang-undang di Indonesia dan Malaysia, serta kesesuaiannya dengan prinsip pewarisan dalam Islam.

Dapatan dan Perbincangan

Perkataan pusaka berasal daripada perkataan Arab *waritsa-yaritsu-wiratsah-waritsah* yang bermaksud pemindahan harta seseorang kepada seseorang selepas kematian. Adapun dalam Al-Quran terdapat banyak perkataan *waritsah* yang bermaksud menggantikan kedudukan, memberi atau mengurniakan, dan menerima harta pusaka (Habiburrahman, 2011). Manakala makna menurut bahasa ialah pemindahan sesuatu daripada seseorang kepada orang lain atau daripada satu kaum kepada kaum yang lain (Al-Sabuniy, 2002). Dalam kitab *al-fiqh al-manhajiy*, harta pusaka didefinisikan sebagai hak milik yang boleh dibahagikan kepada mereka yang berkelayakan selepas kematian pemiliknya. Kelayakan tersebut boleh berdasarkan hubungan kekeluargaan, perkahwinan, atau *wala'* (pembebasan hamba) (Al-Khin, 2006).

Undang-undang warisan Islam atau faraid adalah sistem pembahagian harta pusaka yang diatur oleh hukum syariah. Sistem ini adalah hasil daripada wahyu yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW, menjadikannya satu ketetapan yang jelas dan tetap, yang dilihat sebagai sebahagian integral ajaran Islam. Hukum faraid ditentukan secara langsung dalam ayat-ayat Al-Quran, terutama dalam Surah Al-Nisa', yang mengatur bagaimana harta warisan harus dibahagikan kepada ahli waris. Oleh itu, undang-undang ini memiliki keutamaan tinggi dan dilihat sebagai komponen utama dalam ajaran Islam, yang menjaga keadilan sosial dan keluarga dalam pembahagian harta. Selain itu, warisan Islam bukan hanya satu bentuk pembahagian harta tetapi juga manifestasi keimanan dan ketaatan kepada perintah agama yang diwajibkan (Syatar, 2018; Firdawaty et al., 2023).

Rukun Warisan

Warisan atau harta pusaka mempunyai tiga rukun yang wajib dipenuhi. Dan jika salah satu daripada tiga rukun itu tidak dipenuhi, tidak akan ada harta pusaka. Isu pusaka juga mempunyai peruntukan (rukun) khusus yang mesti dipenuhi. Dengan kata lain, hukum pusaka dianggap sah menurut syarak sekiranya tiga rukun dipenuhi semasa proses penetapan iaitu *al-muwarrits*, *al-warits*, dan *al-mawruts*. Hal ini selaras dengan pendapat Sayyid Sabiq dalam Badawi (2019) yang menyatakan harta pusaka hanya dapat direalisasikan jika terpenuhi tiga perkara tersebut.

Dalam sistem undang-undang warisan Islam, *al-muwarrits* ialah orang yang meninggal dunia dalam keadaan Islam, sama ada secara sah (betul) atau sah (mengikut keputusan hakim), yang meninggalkan warisan dan *warits* yang masih hidup. Hal ini sesuai dengan KHI Pasal 171 huruf b, iaitu: “Pewaris adalah orang yang pada saat meninggalnya atau yang dinyatakan meninggal berdasarkan putusan Pengadilan beragama Islam, meninggalkan ahli waris dan harta peninggalan”. Pernyataan ini bermaksud bahawa waris adalah orang yang pada masa kematian mempunyai hubungan darah atau perkahwinan dengan waris, beragama Islam, dan tidak ada halangan undang-undang untuk menjadi waris (Naskur, 2011). Dalam erti kata lain, artikel ini menjelaskan bahawa mereka yang dianggap waris adalah individu yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan waris (si mati), sama ada melalui hubungan darah seperti anak atau saudara-mara, atau melalui perkahwinan seperti suami atau isteri, dan dengan syarat mereka beragama Islam dan tiada halangan undang-undang yang menghalang mereka daripada menjadi waris, contohnya atas sebab-sebab tertentu yang dijelaskan lebih lanjut dalam undang-undang pewarisan Islam. Di Malaysia, undang-undang warisan Islam dikawal secara khusus oleh Mahkamah Syariah dengan merujuk kepada undang-undang faraid, yang diambil daripada sumber utama syariah iaitu Al-Quran dan Sunnah, dan disokong oleh dokumen-dokumen undang-undang lain seperti:

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam di mana terdapat beberapa peruntukan dalam enakmen ini yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menguruskan pembahagian harta pusaka mengikut undang-undang faraid;
2. Akta / Enakmen Pembahagian Harta Pusaka Kecil. Walaupun tidak termasuk dalam enakmen keluarga, ia relevan untuk mengawal selia pembahagian warisan, termasuk peruntukan yang melibatkan waris.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 lebih fokus pada isu-isu perkahwinan, perceraian, dan hal-hal yang berkaitan dengan keluarga secara umum daripada aspek pewarisan. Bagi isu pewarisan, Mahkamah Syariah akan merujuk kepada hukum faraid dan penetapan ahli waris mengikut ajaran Islam yang diatur oleh Surah An-Nisa' dalam Al-Quran serta aturan-aturan lain yang relevan.

Al-warits sering diterjemahkan sebagai ahli waris iaitu orang yang berhak mendapat warisan kerana mempunyai sebab untuk mewarisi seperti adanya ikatan kekerabatan (nasab), perkahwinan atau lain-lain. Sedangkan menurut KHI Pasal 171 (c), menyatakan: “Ahli waris adalah orang yang pada saat meninggal dunia mempunyai hubungan darah atau hubungan perkahwinan dengan pewaris, beragama Islam dan tidak terhalang oleh hukum untuk menjadi ahli waris”. Ahli waris bermaksud *warits* iaitu, orang yang pada masa kematian mempunyai hubungan darah atau hubungan perkahwinan dengan waris, beragama Islam dan tidak dihalang oleh undang-undang daripada menjadi waris. Berdasarkan KHI Perkara 172, waris yang dianggap beragama Islam di sini ialah mereka yang boleh dikenal pasti daripada kad pengenalan atau pengakuan atau amalan atau penyaksian, manakala bagi bayi yang baru lahir atau anak yang belum matang, agama mengikut bapa atau persekitaran. Termasuk dalam definisi ini ialah bayi yang masih dalam kandungan. Walaupun ia masih janin, jika dapat dipastikan ia masih hidup melalui pergerakan atau cara lain, maka janin itu akan mendapat harta pusaka. Jumhur ulama mewajibkan bayi itu dilahirkan hidup. Kerana ketika dia masih dalam kandungan, walaupun dia dianggap bernyawa, namun dia tidak benar-benar hidup (dilahirkan hidup di dunia). Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

Terjemahan: Dari Abi Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Apabila bayi menangis saat lahir, maka dia berhak mendapat warisan atau harta pusaka

(Abu Dawud, *Kitab Al-Fara'idh*, Hadis nombor 2920)

Makna *istihlal* dalam hadis tersebut adalah tangisan bayi atau suara yang menandakan kehidupan bayi setelah lahir. Para ulama memahami bahawa suara tangisan bayi adalah tanda bayi tersebut hidup setelah dilahirkan sehingga ia dianggap sebagai ahli waris. Oleh itu, jika dia dilahirkan mati, dia tidak berhak menerima harta pusaka. Dan jika telah disediakan harta pusaka untuknya, maka harta itu hendaklah diberikan kepada ahli waris yang lain. Atas sebab ini, adalah perlu untuk mengetahui had ketat mengenai tempoh tangguh minimum untuk usia kehamilan. Ini bertujuan untuk mengetahui kepada siapa janin itu akan diberikan. Para imam mazhab telah bersepakat bahawa tempoh minimum penangguhan kelahiran bagi kandungan adalah enam bulan.

Dalam perbincangan faraid, istilah *al-mauruts* lebih dikenali dengan nama *tirkah* atau pusaka iaitu harta peninggalan si mati yang akan diwarisi oleh ahli waris setelah diambil untuk kos nafkah, membayar hutang dan melaksanakan wasiat. Bagaimanapun, menurut KHI, tidak semua harta pusaka menjadi harta pusaka yang boleh diwariskan kepada ahli waris, tetapi semua harta pusaka yang berupa benda dan hak haruslah bersih dari sebarang kaitan dengan orang lain. KHI Pasal 171 huruf d menyatakan bahawa: "Waris adalah harta peninggalan ahli waris, baik berupa benda kepunyaan atau haknya", dan dalam Pasal 171 huruf e menyatakan bahawa: "Waris adalah harta warisan ditambah bagian harta bersama setelahnya. digunakan untuk keperluan ahli waris semasa sakit sehingga meninggal dunia, kos mengurus jenazah (*tajhiz*), pembayaran hutang dan pemberian untuk kerabat".

Mengenai masalah anak dalam kandungan, dia berhak mendapat harta pusaka sekiranya dia dilahirkan dalam keadaan hidup. Tetapi jika dia dilahirkan mati selepas kematian *muwarrits* dan disyaki kematiannya kerana dipukul atau didera, maka menurut ulama Hanafiyah berpendapat bahawa dia berhak menerima apa yang diwasiatkan untuknya dan mendapat diatnya (ganti rugi), dan untuk mencegah waris lain jika dia dilahirkan hidup. (Al-Syarakhsyi, 1989). Menurut ulama' yang berpegang dengan mazhab Maliki dan Syafi'i, bayi di dalam kandungan dapat dianggap hidup menerusi pengakuan hak atas diat (ganti rugi), meskipun bayi tersebut tidak dilahirkan hidup. Perkara ini diambil dari prinsip bahawa janin memiliki hak untuk mendapatkan ganti rugi (diat) jika kematiannya disebabkan oleh tindakan jenayah tetapi tetapi tidak memiliki hak warisan kecuali jika ia dilahirkan hidup (Ibn Abdul Bar, 1980; Al-Syafi'i, 1990).

Sebaliknya, Mazhab Robi'ah dan Al-Laits berpendapat bahawa bayi dalam kandungan tidak berhak menerima pusaka atau mewariskannya kepada orang lain (Imam Malik, 1985; Imam Layts, 2010). Hal ini kerana tidak dapat dipastikan bahawa bayi tersebut masih hidup ketika ibunya dipukul, dan tiada kepastian bahawa kematiannya berpunca daripada pukulan tersebut (Direktorat Jenderal Pembangunan, Institusi Agama Islam, Kementerian Agama Republik Indonesia, 1986). Dalam pandangan ini, diat bagi bayi tersebut hanya menjadi milik ibunya sahaja. Namun, dengan kemajuan sains perubatan masa kini, terdapat peluang untuk membantu menyelesaikan permasalahan ini secara lebih tepat dan adil.

Anak angkat dalam Islam merujuk kepada amalan mengambil anak angkat dan mewariskan hak serta kewajipan ibu bapa kepada anak tersebut, walaupun mereka tidak mempunyai pertalian darah kandung. Amalan ini berlaku apabila pasangan atau individu mengambil tanggungjawab untuk membesarkan, mendidik, dan memberikan kasih sayang kepada anak yang bukan keturunan kandung mereka. Menurut Wahbah al-Zuhaili dalam Hadana (2019), definisi anak angkat (*tabanniy*) ialah pengambilan anak yang jelas nasabnya oleh seseorang, kemudian anak itu diserahkan kepadanya. Anak angkat dalam Islam juga dikenali sebagai "*tabanniy*" atau "*al-yatim al-ra'iy*". "*Al-yatim al-ra'iy*" adalah istilah dalam bahasa Arab yang merujuk kepada anak yatim yang telah mencapai usia baligh dan mampu mengurus dirinya sendiri. Namun, apabila seorang anak yatim telah mencapai usia baligh dan mampu berdikari serta mengurus keperluannya sendiri, dia disebut sebagai "*al-ra'iy*". Oleh itu, istilah "*al-yatim al-ra'iy*" dapat digunakan untuk menggambarkan anak yatim yang sudah mencapai usia matang dan sudah mampu menjalankan kehidupannya sendiri, tanpa bergantung sepenuhnya pada bantuan orang lain atau wali.

Dalam konteks Islam, “yatim” secara umum merujuk kepada seorang anak yang kehilangan ayahnya sebelum mencapai usia dewasa atau baligh. *Tabanniyy* ialah lelaki atau perempuan yang berniat untuk memaksakan anak ke atas dirinya walaupun anak tersebut sudah mempunyai nasab yang jelas dengan ibu bapa kandungnya (Hadana, 2019). Anak angkat dalam Islam mempunyai beberapa prinsip dan peraturan yang mesti dipatuhi. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diketahui:

1. Pewarisan: Anak angkat tidak boleh mewarisi secara automatik daripada ibu bapa angkat mereka. Ini bermakna mereka tidak berhak mewarisi harta ibu bapa angkat mereka, melainkan ada perjanjian bertulis atau hibah yang dibuat oleh ibu bapa angkat.
2. Nama keluarga: Anak angkat biasanya akan menerima pakai nama keluarga ibu bapa angkat mereka, melainkan mereka ingin mengekalkan nama keluarga mereka sendiri.
3. Mahram: Anak angkat tidak dianggap mahram bagi ibu bapa angkatnya. Ini bermakna apabila anak angkat mencapai akil baligh, terdapat peraturan dan sekatan tambahan apabila melibatkan interaksi antara mereka. Contohnya, anak angkat hendaklah menutup aurat di hadapan bapa angkat.
4. Pusaka syariah: Walaupun anak angkat tidak secara automatik mempunyai hak pusaka mengikut hukum syariah Islam, namun ada kemungkinan mereka menerima harta daripada ibu bapa angkat melalui wasiat atau hibah (Rais, 2016).

Adalah penting untuk diperhatikan bahawa amalan pengangkatan dalam Islam berbeza dengan amalan pengangkatan dalam budaya Barat dan sebahagian adat di nusantara. Dalam Islam, menukar pertalian darah biologi seseorang tidak dibenarkan. Oleh itu, anak angkat tetap memiliki hubungan kekeluargaan biologi yang sah dan masih dianggap sebagai ahli keluarga asal mereka (Mustahdi, 2018). Menurut syariat Islam, pengangkatan tidak membawa kesan hukum dari segi pertalian darah, hubungan wali, atau hak pewarisan dengan ibu bapa angkat. Anak angkat kekal sebagai pewaris ibu bapa kandungnya dan terus menggunakan nama bapa kandungnya (Rais, 2016).

Hak Warisan Anak Angkat di Indonesia

Pembahagian harta pusaka atau warisan yang berlaku di Indonesia mempunyai tiga sistem iaitu, undang-undang warisan yang diperolehi daripada adat, undang-undang warisan perdata atau sivil dan undang-undang warisan Islam. Ringkasnya peraturan tentang warisan dalam perundangan sivil yang berlaku di Indonesia dapat dinyatakan seperti berikut:

1. Undang-undang pewarisan adat diatur oleh undang-undang adat setiap wilayah di Indonesia.
2. Undang-undang Perdata (KUH Perdata) melihat hak warisan sebagai hak material ke atas harta si mati (Perkara 528 KUH Perdata). Di samping itu, perkara 584 KUH Perdata menyebut hak warisan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan hak harta, manakala cara untuk mendapatkan hak harta dikawal dalam Buku II KUH Perdata, supaya undang-undang pewarisan diletakkan dalam Buku II KUH Perdata. (Meliala D.S., 2018).
3. Hukum waris Islam, bagi mereka yang beragama Islam diatur dalam Instruksi Presiden No.1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam (Pasal 171-214 KHI).

Adapun hak waris bagi anak angkat yang bukan beragama Islam dijelaskan di bawah Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHPerdata) atau undang-undang sivil.

1. Pasal 860 KUHPerdata – Pengangkatan Kanak-kanak. Artikel ini mengawal selia pengangkatan kanak-kanak dalam undang-undang Indonesia. Dalam artikel ini, dinyatakan bahawa anak yang diangkat oleh pasangan suami isteri yang sah akan menjadi anak pasangan itu. Walau bagaimanapun, anak angkat masih berhak menerima hak keluarga yang sah.

2. Pasal 861 KUHPerdara – Hak Waris Anak Angkat. Artikel ini menerangkan hak warisan anak angkat, yang menyatakan bahawa anak angkat akan dilayan sama seperti anak kandung dari segi pengagihan warisan. Anak angkat mempunyai hak untuk mewarisi warisan ibu bapa angkat mereka.

Secara ringkas, menurut Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHPerdara) Indonesia yang merujuk kepada undang-undang *Burgerlijk Wetboek* (BW) dengan lampiran *Staatsblad* No. 129 Tahun 1917, pengangkatan anak yang diatur dalam *Staatsblad* 1927 No. 129, menyatakan bahawa:

1. Perkara 11: Anak angkat secara sah memperoleh nama daripada bapa angkatnya.
2. Pasal 12 Ayat (1): Anak angkat boleh dianggap sebagai anak kandung yang dilahirkan daripada perkahwinan ibu bapa angkatnya.

Berdasarkan peruntukan ini, anak angkat secara automatik menjadi ahli waris ibu bapa angkat kerana pengangkatan anak memutuskan semua hubungan sivil antara anak tersebut dan ibu bapa kandungnya (Sari, 2023).

Namun, berbeza bagi anak angkat yang beragama Islam, hak waris mereka ditentukan berdasarkan beberapa undang-undang relevan yang berasaskan hukum Islam, yang mengutamakan hubungan nasab dan memberikan alternatif seperti hibah atau wasiat wajibah untuk memastikan keadilan dalam pembahagian harta pusaka.

Secara ringkasnya berdasarkan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHPerdara) Indonesia, yang merujuk kepada undang-undang *Burgerlijk Wetboek* (BW) dengan lampiran *Staatsblad* (lembaran rasmi negara) no 129 tahun 1917 menyatakan bahawa pengangkatan anak yang diatur dalam *Staatsblad*. 1927 No. 129, iaitu pada Perkara 11 menjelaskan bahawa anak angkat secara sah memperoleh nama dari bapa angkat, dan Pasal 12 ayat (1) menyebutkan bahawa anak angkat boleh dijadikan sebagai anak yang dilahirkan dari perkawinan ibu bapa angkat. Jadi dapat dikatakan bahawa anak angkat menjadi ahli waris ibu bapa angkat kerana pengangkatan anak menyebabkan pemutusan semua hubungan sivil antara anak dan ibu bapa kandungnya (Sari, 2023). Namun sebaliknya, hak waris anak angkat yang beragama Islam adalah berdasarkan beberapa undang-undang yang relevan iaitu:

1. Undang-undang faraid: Undang-undang Islam menetapkan bahawa anak angkat tidak berhak mewarisi warisan ibu bapa angkatnya secara automatik. Ini disebabkan oleh peruntukan nasab (keturunan) dalam undang-undang Islam, yang menetapkan bahawa hanya anak kandung sahaja yang mempunyai hak mewarisi pusaka ibu bapa mereka berdasarkan undang-undang faraid.
